

# Lampiran Penerangan Produk Insurans Perniagaan FlexiGuard Plus (Kebakaran Tertingkat)

Sila baca Lampiran Penerangan Produk ini sebelum Anda membuat keputusan untuk membeli Insurans Perniagaan FlexiGuard Plus (Kebakaran Tertingkat). Pastikan juga Anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

CHUBB®

## 1. Apakah Produk ini?

Polisi ini memberikan Anda perlindungan insurans kepada perniagaan dan harta Anda berdasarkan pelbagai seksyen yang tersedia. Insurans Kebakaran adalah seksyen yang wajib / mandatori, bersama dengan 9 pilihan seksyen yang lain, iaitu Kerugian Turutan, Semua Risiko, Pecah Masuk, Wang, Plat Kaca, Liabiliti Awam, Liabiliti Majikan, Jaminan Kesetiaan dan Kemalangan Diri Kumpulan.

Polisi ini boleh menjadi Polisi Pengguna dan Polisi Bukan-Pengguna. Polisi Insurans Pengguna bermaksud kontrak insurans yang dibuat, diubah atau diperbaharui oleh individu untuk tujuannya sendiri yang tidak kaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion individu tersebut.

## 2. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

Perlindungan yang disediakan di bawah seksyen - seksyen berikut: -

- Seksyen Kebakaran - Kerugian atau kerosakan kepada harta Anda akibat kebakaran atau kilat, termasuk peril tambahan yang boleh dipilih seperti berikut;
  - Kerosakan Pesawat
  - Gempa Bumi dan Letusan Gunung Berapi
  - Ribut, Taufan
  - Banjir
  - Letupan
  - Kerosakan Impak
  - Pecahan atau Limpahan Tangki Air, Peralatan atau Paip Air
  - Semak/Lalang
  - Penenggelaman dan Tanah Runtuh
  - Pembakaran Spontan
  - Rusuhan, Mogok, dan Kerosakan Berniat Jahat
  - Kerosakan akibat Pokok atau Dahan Tumbang dan Objek daripadanya
- Kerugian Turutan - melindungi kerugian keuntungan disebabkan pengurangan perolehan dan / atau kenaikan kos kerja yang disebabkan oleh kebakaran atau kilat, atau apa-apa peril tambahan lain yang dilindungi di bawah seksyen Kebakaran.
- Semua Risiko - Kehilangan atau kerosakan kepada peralatan, loji dan jentera Anda daripada kebakaran, kecurian atau sebarang kemalangan atau musibah melainkan ianya dikecualikan secara khusus di bawah seksyen ini.
- Pecah Masuk - Kerugian atau kerosakan harta tertanggung semasa berada di dalam premis Anda disebabkan Pecah Masuk atau sebarang percubaan sepertinya. Seksyen ini juga dilanjutkan untuk menampung kerugian akibat Rompakan Bersenjata / Tahanan.
- Wang
  - Di bawah Wang semasa Transit, ianya akan melindungi wang Anda dari pelbagai sebab semasa didalam transit dengan membenarkan utusan dan / atau pekerja ke dan dari premis Pihak Tertanggung ke bank dan / atau ke tapak kontrak atau sebaliknya.
  - Di bawah Wang didalam Premis, ianya akan melindungi kehilangan wang dari peti simpanan berkunci atau bilik kebal atau ketika Penahanan semasa didalam Premis.

- Plat Kaca - Melindungi plat kaca yang pecah akibat keretakan merebak ke keseluruhan ketebalan kaca disebabkan kemalangan atau musibah yang tidak dikecualikan.
- Liabiliti Awam - melindungi liabiliti undang-undang Anda untuk Kecederaan Badan Yang Tidak Disengajakan atau Kerosakan Tidak Sengaja keatas harta pihak ketiga yang berlaku semasa Tempoh Insurans dan semasa menjalankan Perniagaan Anda dalam Had Lingkungan Kawasan.
- Liabiliti Majikan - melindungi liabiliti Anda di sisi undang-undang untuk ganti rugi, kos dan perbelanjaan penuntut berkenaan dengan Kecederaan Badan akibat Kemalangan atau penyakit kepada pekerja Anda yang berlaku semasa Tempoh Insurans dan yang timbul daripada dan semasa tempoh pekerjaannya.
- Jaminan Kesetiaan - melindungi Anda daripada kerugian kewangan secara langsung atau barangan milik Anda disebabkan oleh tindakan penipuan atau perbuatan yang tidak jujur oleh pekerja Anda.
- Kemalangan Diri Kumpulan - memberikan ganti rugi mengikut Jadual Manfaat sekiranya pekerja Anda mengalami Kecederaan Badan Secara Tidak Sengaja yang mengakibatkan sama ada Kematian Akibat Kemalangan dan/atau Hilang Upaya Kekal.

Tempoh perlindungan adalah selama satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui Polisi insurans Anda setiap tahun.

Nota: Keterangan mengenai perlindungan yang tersedia hanyalah ringkasan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Sila rujuk kepada kontrak Polisi untuk butiran lengkap perlindungan / manfaat yang ada di dalam Polisi ini.

### 3. Berapakah premium yang harus Saya bayar?

Jumlah premium tahunan yang Anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada pendedahan risiko, keperluan pengunderaitan Kami, jenis perlindungan yang diperlukan dan jumlah tertanggung / had yang diperlukan pada setiap bahagian.

Seksyen Kebakaran

Perlindungan Standard : RM \_\_\_\_\_ premium untuk jumlah tertanggung sebanyak RM \_\_\_\_\_

Perlindungan Tambahan (Peril) : RM \_\_\_\_\_

Anggaran Premium: RM \_\_\_\_\_

Pilihan Seksyen Lain

Jumlah Tertanggung / Had bagi Seksyen-Seksyen : RM \_\_\_\_\_

Anggaran Premium : RM \_\_\_\_\_

Polisi ini tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM 75.00.

### 4. Apakah yuran dan caj yang perlu Saya bayar?

- Duti Setem - RM10
- Cukai Perkhidmatan (CP) (jika berkenaan) - kadar CP berkenaan yang dikenakan oleh Kerajaan.
- Komisen dibayar, jika ada, kepada pengantara insurans (termasuk dalam premium) - maksimum 15% dari premium.

### 5. Apakah antara syarat-syarat dan peraturan penting yang Saya patut ketahui?

#### Kewajipan Anda kepada Kami

#### 1. Kewajipan untuk Polisi Insurans Pengguna

1.1. Jika Polisi ini ialah Polisi Insurans Pengguna, maka Anda mesti mengambil langkah yang munasabah:

- (a) untuk tidak membuat salah nyata kepada Kami apabila menjawab sebarang soalan, sama ada ditanya di dalam borang cadangan, atau mana-mana pendedahan yang dibuat.
- (b) apabila memperbaharui Polisi ini, tidak membuat salah nyata kepada Kami dalam menjawab sebarang soalan, atau mengesahkan atau meminda sebarang perkara yang telah didedahkan kepada Kami sebelum ini yang berkaitan dengan Polisi ini; dan
- (c) untuk mendedahkan kepada Kami sebarang perkara, selain daripada apa yang telah Kami menanya di (a) dan (b) di atas, yang Anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar serta terma yang dikenakan.

#### 2. Kewajipan untuk Polisi Insurans Bukan Pengguna

2.1. Jika Polisi ini bukan Polisi Insurans Pengguna, maka Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan kepada Kami sebarang perkara yang:

- (a) Anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar serta terma yang dikenakan; atau
- (b) seseorang yang munasabah di dalam keadaan tersebut boleh dijangka tahu sebagai sebagai relevan.

- Untuk Seksyen Kebakaran, Kerugian Turutan dan seksyen Semua Risiko, Anda mesti memastikan bahawa harta atau kepentingan Anda yang ditanggung dilindungi pada jumlah yang sesuai mengambil kira pengubahsuaian atau penambahbaikan yang dibuat pada harta Anda. Anda boleh menanggung harta Anda berdasarkan nilai pasaran (tolak haus, lusuh & susut nilai) atau nilai pengembalian semula (kos penuh pembaikan tanpa sebarang potongan dibuat untuk haus, lusuh & susut nilai).

Jumlah tertanggung hendaklah dipantau dan disemak secara berkala, untuk memastikan ianya mewakili nilai sebenar bagi mengelakkan risiko insurans berkurangan. Jika tidak, penyelesaian tuntutan akan berdasarkan Purata.

- Untuk seksyen - seksyen yang lain (Pecah Masuk, Wang, Plat Kaca, Liabiliti Awam, Liabiliti Majikan dan Jaminan Kesetiaan), perlindungan adalah berdasarkan had yang diperlukan.
- Lebihan ialah amaun yang Anda perlu tanggung sebelum Kami mengganti rugi Anda.
- Anda mesti memaklumkan pengantara insurans Anda atau Kami secara bertulis mengenai sebarang perubahan material semasa Tempoh Polisi supaya pindaan yang diperlukan akan diendorskan pada Polisi Anda.
- Premium perlu dibayar dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Polisi / endorsan / pembaharuan. Jika syarat ini tidak dipatuhi, Polisi akan dibatalkan secara automatik, dan Kami berhak mendapat premium pro-rata untuk tempoh dilindungi.
- Jika terdapat Polisi lain yang melindungi yang sama atau sebahagian daripada kerugian, kerosakan atau liabiliti yang sama, Kami hanya akan membayar sebahagian kerugian, kerosakan atau liabiliti tersebut pada kadar yang sewajarnya.
- Sekiranya berlaku tuntutan, Anda perlu memaklumkan Kami dalam tempoh 14 hari mengenai sebarang kerugian atau kerosakan, dan menghantar tuntutan secara bertulis dengan butiran dan bukti terperinci dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas kejadian kerugian dan kerosakan dan/atau memaklumkan Kami tentang kerugian atau kerosakan mengikut keperluan seksyen masing-masing di bawah Polisi.

## 6. Apakah pengecualian penting di bawah Polisi ini?

---

Polisi ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan tertentu, seperti:

- Kerugian atau kerosakan akibat risiko radioaktif dan tenaga nuklear.
- Kerugian / kerosakan akibat atau timbul daripada peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, perseteruan, atau operasi seakan peperangan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara.
- Kerugian / kerosakan akibat atau timbul daripada pemberontakan, kekecohan awam mengandaikan nisbahnya atau jumlahnya meningkat, kebangkitan tentera, penentangan pemberontakan, revolusi, kuasa tentera atau rampasan kuasa.
- Kerugian / kerosakan akibat atau timbul daripada sebarang Tindakan Keganasan.
- Rampasan dan pemusnahan di atas perintah kerajaan atau pihak berkuasa awam.
- Kerugian / kerosakan akibat Penyakit Berjangkit.
- Kehilangan / kerosakan akibat Kerugian Siber.
- Kehilangan / kerosakan akibat ketidakupayaan mana-mana komputer untuk mengenali sebarang tarikh sebenar pada kalendar.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk pada kontrak Polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah Polisi ini. Setiap seksyen perlindungan tertakluk kepada senarai pengecualiannya sendiri.

## 7. Bolehkah Saya membatalkan Polisi?

---

Anda boleh membatalkan Polisi Anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada pengantara insurans Anda atau Kami. Selepas pembatalan, Anda mungkin layak mendapat bayaran balik premium berdasarkan kadar tempoh pendek untuk tempoh insurans yang belum tamat, tertakluk kepada premium minimum yang perlu dikekalkan oleh Kami dan tertakluk kepada sebarang tuntutan yang mungkin telah dibuat.

## 8. Apakah yang perlu Saya lakukan jika terdapat pertukaran dalam maklumat hubungan Saya?

---

Adalah penting untuk Anda memaklumkan pengantara insurans Anda atau Kami tentang sebarang perubahan dalam butir-butir hubungan Anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada Anda tepat pada masanya.

## 9. Dimana boleh Saya mendapatkan maklumat lanjut?

---

Sekiranya Anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Insurans Perniagaan FlexiGuard Plus (Kebakaran Tertingkat) Kami, Anda boleh menghubungi pengantara insurans Anda, atau cawangan - cawangan Kami di seluruh negara, atau

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Kami di:

Chubb Insurance Malaysia Berhad  
Nombor Pendaftaran: 197001000564 (9827-A)  
Wisma Chubb  
38 Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur.  
O +6 03 2058 3000 F +6 03 2058 3333  
E [Inquiries.MY@chubb.com](mailto:Inquiries.MY@chubb.com)  
W [www.chubb.com/my](http://www.chubb.com/my)

## 10. Jenis perlindungan insurans yang serupa ditawarkan?

---

Individu Polisi seperti Kebakaran, Kerugian Turutan, Semua Risiko, Pecah Masuk, Wang, Plat Kaca, Liabiliti Awam, Liabiliti Majikan, Jaminan Kesetiaan dan Kemalangan Diri Kumpulan juga sedia ada.

### NOTA PENTING:

ANDA MESTI MEMASTIKAN HARTA ANDA DITANGGUNG PADA JUMLAH YANG BERPATUTAN. ANDA HENDAKLAH BERPUAS HATI BAHAWA POLISI INSURANS INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DAN PREMIUM YANG DIBAYAR DI BAWAH POLISI INI ADALAH JUMLAH YANG ANDA BOLEH MAMPU. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN PENGANTARA INSURANS ATAU HUBUNGI CHUBB INSURANCE MALAYSIA BERHAD SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Harap maklum bahawa:

- Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah berjaga yang munasabah untuk memberi Kami atau perantara Kami dengan semua maklumat yang relevan agar Kami dapat menyediakan kepada Anda produk kewangan yang paling sesuai dan dengan menahan sebarang maklumat yang Kami atau perantara Kami meminta, atau memberikan maklumat yang tidak tepat, Kami mungkin tidak dapat mengesyorkan kepada Anda produk kewangan yang sesuai untuk memenuhi keperluan Anda;
- Anda harus membaca dan memahami terma kontrak dan berbincang lebih lanjut dengan Kami atau perantara Kami jika terdapat sebarang terma yang Anda tidak faham, sebelum menerima kontrak Polisi.

Dengan menerima kontrak Polisi ini, Anda akan mengakui bahawa perantara Kami atau kakitangan Chubb telah menerangkan kepada Anda dengan jelas mengenai perlindungan kontrak Polisi dan terma utama kontrak, dan kontrak Polisi yang ditawarkan adalah sesuai untuk keperluan insurans Anda.

Maklumat yang diberikan dalam Lampiran Penerangan Produk ini adalah sah pada April 2024.

Maklumat yang diberikan didalam Lampiran Penerangan ini adalah huraian ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma dan syarat tepat yang dipakai dinyatakan didalam kontrak Polisi.

Sekiranya terdapat sebarang ketaktekalan antara versi Bahasa Malaysia dengan versi Bahasa Inggeris Polisi ini, maka versi Bahasa Inggeris hendaklah digunakan.

Chubb Insurance Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Chubb Insurance Malaysia Berhad](#) atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).